



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

5,000 WARGA KOTA MENJAYAKAN KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 15 Januari – Warga Wilayah Persekutuan hari ini menyertai Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan secara serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Seramai 5,000 warga kota hadir bagi mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur bersama YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan yang turut diadakan bersekali dengan *KL Car Free Morning* di samping beriadah bersama keluarga.

Kempen Kibar Bendera ini mula diperkenalkan sejak 11 tahun yang lalu setelah bendera Wilayah Persekutuan diwartakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII pada 20 Ogos 2006. Kempen ini dianjurkan bagi menambahkan semangat patriotik, rasa sayang serta cintakan Wilayah Persekutuan. Selain itu, melalui kempen ini juga dapat menggalakkan semangat perpaduan dan kebersamaan warga Wilayah Persekutuan.

Oleh itu, KWP menyeru agar semua premis-premis kerajaan mahupun swasta, kediaman persendirian, kenderaan dan tempat-tempat yang bersesuaian di Wilayah Persekutuan untuk turut sama-sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan bermula hari ini sehingga 28 Februari kelak. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga telah memasang bendera gergasi di bangunan DBKL, jalan-jalan protokol serta kawasan sekitar bandaraya Kuala Lumpur pada 9 Januari yang lalu.

Tema Sambutan Hari Wilayah pada tahun ini dikekalkan seperti tema pada tahun lepas iaitu ‘Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera’ di mana bertepatan dengan aspirasi Kementerian yang ingin menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya

dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria merangkumi persekitaran yang bersih; kemudahan pengangkutan yang kondusif; sistem pengangkutan yang sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti warga Wilayah Persekutuan.

Sebanyak 34 program akan dilaksanakan sepanjang bulan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP 2017) yang dibahagikan mengikut enam (6) kluster utama iaitu Kluster Pengiktirafan, Kluster Sukan Dan Rekreasi, Kluster Ilmiah Dan Kerohanian, Kluster Mesra Rakyat, Kluster Program TUPA YAB PM/YAB TPM/YB Menteri WP dan Kluster Tanggungjawab Sosial Masyarakat (CSR). Keistimewaan SHWP 2017 adalah Kementerian banyak memperkenalkan program-program baru yang berimpak tinggi. Program-program yang disusun melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Pastinya program pada tahun ini lebih meriah dan ceria.

Diharapkan melalui program-program yang dianjurkan sepanjang bulan sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini akan dimanfaatkan oleh warga Wilayah Persekutuan sepenuhnya serta memberi peluang buat komuniti Wilayah Persekutuan berinteraksi dan bertemu dengan lebih dekat dengan pemimpin dan merapatkan jurang pihak antara keduanya.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
15 Januari 2017

**PROGRAM-PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH 2017
MENGIKUT KLUSTER**

Program Yang Diteruskan

- Kluster Pengiktirafan
 1. Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) 2017
- Kluster Mesra Rakyat
 1. Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan sempena SHWP
 2. Malam SHWP 2017
- Kluster Sukan Dan Rekreasi
 1. Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan
 2. Konvoi Berbasikal 1WP
- Kluster Ilmiah Dan Kerohanian
 1. Khutbah Jumaat dan Solat Hajat Khas Hari Wilayah Persekutuan
 2. Majlis Khatam Al-Quran Wilayah Persekutuan
 3. Program Ilmiah Bersama YBhg. Dato' Ustaz Mohd Kazim Elias dan Ustaz Ebit Lew
- Kluster Tanggungjawab Sosial Masyarakat (CSR)
 1. Program CSR Labuan

Program Baru

- Kluster Mesra Rakyat
 - 1. Program Keceriaan Bersama Komuniti Cina WPKL
 - 2. Program Bersama Gen Y
- Kluster Sukan Dan Rekreasi
 - 1. Program Catur WP 2017
 - 2. Karnival Sukan IPT : Piala YB Menteri WP
 - 3. *Robotic Space Challenge* SHWP 2017
 - 4. KL Rush
 - 5. Wilayah International Motorfest
 - 6. Labuan *Go Green Run*
- Kluster Program TUPA YAB PM/YAB TPM/YB Menteri WP
 - 1. Majlis Perasmian Kerinchi Residensi
- Kluster Tanggungjawab Sosial Masyarakat (CSR)
 - 1. Program Keceriaan & Pengindahan Pulau Rusukan Besar